


# WARISAN

WARISAN



*Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan  
Keluaran 6 1981*

## K A N D U N G A N :

|   |        |
|---|--------|
| Kata-kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan .....   | ms. 2  |
| Kata-kata Aluan Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia,<br>Cawangan Negeri Sembilan .....                            | ms. 3  |
| Rencana Pengarang .....   | ms. 4  |
| Gambar AJK Persatuan Sejarah Malaysia,<br>Cawangan Negeri Sembilan .....  | ms. 5  |
| Senarai AJK. Persatuan Sejarah Malaysia<br>Cawangan Negeri Sembilan .....   | ms. 7  |
| Senarai AJK Kecil Penyelidikan PSM. CNS .....   | ms. 7  |
| Senarai AJK Kecil Penerbitan PSM. CNS .....   | ms. 8  |
| Sidang Pengarang 1981-82 .....  | ms. 8  |
| Sejarah Makam Tok Ambik —<br>— Norida Borhan — .....  | ms. 9  |
| Tokoh Ulamak Batu Kikir:<br>— Mustafa Hj Dofah — .....  | ms. 13 |
| Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-orang Minangkabau<br>dan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan<br>— Ibrahim Mustapa — ..... | ms. 21 |
| Ciri-ciri Menarik dari Perbilangan Adat Perpatih<br>— Hjh. Aishah Sharif — .....  | ms. 31 |
| Kegiatan Perlombongan Bijih Timah di Jelebu<br>Tahun-tahun 1890an: Satu Tinjauan —<br>— Othman Hj. A. Bakar — .....     | ms. 35 |
| Sejarah Peperangan Linggi Kecil:<br>— Tan Sri Dr. Mohamed Said —<br>— Alih bahasa: Mohd. Misan Mastor — .....           | ms. 40 |
| Perkembangan Pengajian Islam di Negeri Sembilan:<br>— Sabariah Shukur — .....   | ms. 45 |
| Rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan:<br>Satu Tinjauan:<br>— Yaakob Idrus — .....   | ms. 50 |
| <b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN:</b>   |        |
| Laporan AJK Kecil Penyelidikan,<br>Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan:<br>— HMNL — .....              | ms. 57 |
| Kota Simpang:<br>— Abd. Aziz Salleh — .....   | ms. 59 |
| Sejarah Masjid Kuala Dulang:<br>— Ismail Abdullah —<br>— Disusun semula: Mohd. Isa Jadi — .....                         | ms. 63 |



No. Fail MBNS. 1.09

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN.

## KATA-KATA ALUAN

—: ★ :—

Tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Kecil Penerbitan Perseatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan ini di atas penerbitan semula majalah WARISAN.

Dari apa yang saya difahamkan WARISAN telah berjaya memaparkan kepada umum unsur-unsur sejarah dan perjuangan bangsa masa silam untuk dijadikan tauladan dan pelajaran.

Saya berharap keluaran-keluaran masa depan WARISAN akan lebih berupaya lagi memberi gambaran yang jernih terhadap sejarah negeri dan negara kita.

Sehubung dengan itu saya ingin mengambil peluang ini menyeru orang ramai memberi kerjasama terhadap penerbitan WARISAN dengan menyumbangkan rencana-rencana dan gambar-gambar yang ada kaitannya dengan sejarah Negeri Sembilan Darul Khusus ini.

Akhir kata saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Jawatankuasa Penerbitan ini.

**DATO' RAIS YATIM**  
*Menteri Besar,*  
Negeri Sembilan.

SEREMBAN:  
8hb. Februari, 1982.



كبرياتوان سجاړا ماليسيا  
**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY**

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.

d/a Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan, Seremban.

---

## SERPIHAN RASA

—: 0: —

Sesungguhnya dengan terbitnya Majalah WARISAN kali ini maka terlaksanalah sudah salah satu program yang telah dirancang oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Yang demikian usaha-usaha kearah mendedahkan kesan-kesan sejarah di negeri ini akan bertambah rancak dan berkembang menerusi makalah-makalah yang dimuatkan di dalamnya.

Adalah menjadi harapan Persatuan ini untuk memperbanyakkan lagi bidang penyelidikan dimana hasil penyelidikan itu akan dimuatkan ke dalam majalah ini pada keluaran-keluarannya akan datang.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Yayasan Negeri Sembilan yang telah memberi bantuan kewangan untuk menjayakan penerbitan Majalah Warisan Kali ini.

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa kecil Penerbitan dan kepada semua yang menjayakan penerbitan majalah Warisan ini.

Sekian.

(Y.B. MOHD. ISA DATO' HJ. AD. SAMAD PMC)

Pengerusi

Persatuan Sejarah Malaysia,  
Cawangan Negeri Sembilan.

Bertarikh: 17hb. Feb. 1982.

# RENCANA PENGARANG



Buat sekian kalinya 'Warisan' telah lahir dalam usahanya untuk menambahkan satu lagi dokumen sejarah ke dalam koleksi sejarah tanahair kita. Selaras dengan cita-cita kerajaan bagi menyusun semula konsep sejarah nasional, maka Warisan telah cuba untuk mencungkil kembali khazanah tempatan ini, supaya sentritisma penulisan sejarah negara kita akan dapat menggambarkan corak pen-sejarahahan Malaysia yang sebenarnya. Keadaan ini difikirkan wajar memandangkan kegiatan para Orientalis yang cuba untuk memutarbelitkan hakikat dan fakta sejarah tanahair untuk kepentingan dan dasar-dasar penjajahan mereka. Oleh itu dalam usaha kita untuk mengembalikan imej sejarah kita, penerbitan majalah seperti Warisan adalah paling wajar, sesuai dengan cita-cita dan semangat pucuk pimpinan 2M (Mahathir-Musa) di masa ini.


Sememangnya sukar dan banyak sekali duri-onaknya dalam usaha kita untuk memenuhi cita-cita di atas. Walau bagaimana pun AJK Kecil Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan N. S., telah cuba dan berusaha untuk memenuhi sebahagian kecil daripada cita-cita tersebut. Antaranya ialah menganjurkan Peraduan Mengarang Sejarah Tempatan di kalangan murid-murid sekolah dan Persatuan-persatuan Belia, bertujuan bagi mencungkil Pengkaji Sejarah bakat baru, disamping untuk menarik minat murid-murid supaya mencintai sejarah tempatan mereka.

Selain dari itu, pihak kami juga telah menghubungi tokoh-tokoh sejarah tempatan, guru-guru sejarah, dan orang perseorangan yang berminat, untuk mendapatkan sumbangan yang berupa makalah-makalah, bahan-bahan penulisan sejarah, dan bahan-bahan sejarah lainnya yang masih banyak belum diterbitkan lagi. Walau pun sambutannya agak kurang memuaskan, namun sebanyak sedikit telah juga berjaya mendapatkan beberapa bahan dan makalah untuk dimuatkan dalam majalah ini.

Di sini kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Warisan kali ini. Pertama kali kepada semua AJK Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Yayasan Negeri Sembilan atas sumbangan kewangannya, penulis dan penyumbang makalah, semua AJK Kecil dan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan majalah ini. Kita semua berharap semoga mereka semua akan terus memberikan sumbangan, sokongan serta kerjasama dalam pembentukan identiti Sejarah Negara kita (menerusi Warisan), di masa-masa yang akan datang.

# JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1981 — 82



Duduk dari kiri ke kanan :

Encik Ismail bin Hadi (Setiausaha Kehormat), Tuan Haji Mohamed Nor bin Long (Pengerusi Penyelidikan), Y. B. Encik Mohd. Isa bin Samad (Yang Di Pertua), Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin (Naib Yang Di Pertua), Encik Hashim bin Jasa (Pengerusi Penerbitan), Encik Tan Ghee Peng (Bendahari).

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

—: ★ :—

1. *Yang Di Pertua* : Y.B. Encik Mohd. Isa bin Hj. Abd. Samad, PMC.
2. *Naib Yang Di Pertua* : Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran N. Sembilan  
(Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
3. *Setiausaha Kehormat* : Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.
4. *Pen. Setiausaha Kehormat* : Encik Abd. Aziz bin Salleh
5. *Bendahari* : Encik Tan Ghee Peng, AMN.
6. *Jawatankuasa* : Encik Nordin bin Bakari  
Encik Hashim bin Jasa, AMN.  
Tuan Sy. Jaafar bin Sy. Ab. Rahman, PJK.  
Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh
7. *Pengerusi Daerah* : Tuan Hj. Hisham bin Omar (Tampin)  
Encik Mohd. Zahidin bin Sidek (Kuala Pilah)  
Encik Abdullah bin Hj. Ludin (Rembau)  
Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor (Seremban)  
Encik Mazlan bin Abdullah (Jejebu)  
Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson)  
Encik Idris bin Hussein (Jempol)
8. *Pemeriksa Kira-Kira* : Encik Abu Bakar bin Yahya, AMN, PPN, PMC, PJK.  
Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

—: ★ :—

1. *Pengerusi* : Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.
2. *Jawatankuasa* : Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Dato Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan PPN, PJK.  
Encik Nordin bin Bakari  
Encik Abd. Aziz bin Salleh  
Encik Ibrahim bin Mustafa  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh  
Puan Norini bt. Ali, PJK.  
Puan Echam bt. Hj. Hassan

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1981 – 1982.**

—————: ★ :————

- Pengerusi* : En. Hashim bin Jasa, AMN.
- Setiausaha* : En. Ramthan bin Hj. Maarof
- Pen. Setiausaha* : En. Mohd. Misan bin Mastor
- Ahli Jawatankuasa* : Dato' Hj. Mohd. Sharif bin Fakeh Hassan, PPN, PIK.  
En. Abd Hamid bin Idris  
En. Mustafa bin Hj. Sharif  
En. Mohd. Hisa bin Tahat  
En. Tan Ghee Peng, AMN.  
En. Ahmad bin Sihat  
En. Mazlan bin Abdullah  
En. Ibrahim bin Mustafa  
Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PIK.  
Puan Aishah bte Md. Sharif  
Puan Sharifah Kintan bte Syed Ali

**SIDANG PENGARANG 1981 – 82.**

—————: ★ :————

- Pengarang* : En. Mazlan bin Abdullah (Ketua)  
En. Ibrahim bin Mustafa  
En. Mohd. Misan bin Mastor
- Rekabentuk* : En. Abd. Hamid bin Idris
- Kewangan & Pemasaran* : En. Tan Ghee Peng, AMN.  
Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PIK.

# Perkembangan Pengajian Islam di Negeri Sembilan

OLEH:

SABARRIAH SHUKUR



Pertapakan dan perkembangan Islam di Negeri Sembilan tiada mempunyai bukti yang jelas. Kalau dilihat pada penempatan orang-orang Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan khususnya yang membuat penempatan di Rembau pada tahun 1338 M bersamaan 773 H, ada menerangkan perkaitan di antara penduduk asli Rembau dengan peneroka Islam.

'Sesungguhnya peneroka-peneroka Islam yang datang membuat kediaman di Rembau itu adalah keadaannya aman dan tenteram. (1)

Di samping itu ada juga keterangan yang menunjukkan Islam bertapak di Negeri Sembilan itu di abad 15. Pendudukan Sungai Ujung pada masa Sultan Mahmud Shah adalah merupakan milik Bendahara Tun Perak. Penduduk daerah ini memeluk Islam pada abad 15. Terdapat batu nisan di Pengkalan Kempas di Sungai Linggi yang menunjukkan kubur seorang yang bernama Ahmad yang meninggal pada 1467 Masehi. (2)

Kesimpulannya dari kenyataan tentang kemasukan dan pertapakan Islam ke Semenanjung Malaysia adalah merupakan satu inisiatif yang menggalakkan. Sambutan yang diutarakan oleh penduduk tempatan di dalam sikap penerimaan mereka adalah di dalam suasana yang damai. 'Perkembangan Islam di rantau ini di dalam bentuk yang harmoni tanpa peperangan dan kekerasan'. (3)

Walaupun, kalau dilihat pada pertapakan Islam di sini bermula lebih awal dari kerajaan Islam di Melaka tetapi kedudukan Islam tidaklah begitu kukuh. Orang Islam pada masa itu merupakan kelompok-kelompok kecil yang hidup bersendirian dan tidak tersibar secara meluas.

Suatu hal yang tidak dapat dinafikan di dalam membicarakan perkembangan pengajian Islam di Negeri Sembilan ialah tentang kesukaran untuk mendapatkan fakta-fakta bertulis yang berkaitan dengannya. Namun demikian masih dapat diterima tentang berlakunya pengajian Islam di sini walaupun bentuk yang wujud tidak begitu formal.

Kalau kita teliti tentang perkembangan Islam di Semenanjung Malaysia secara tidak rasminya yang bermula sebelum zaman kesultanan Melaka, kita masih boleh memperkatakan tentang wujudnya pengajian Islam itu. Islam tersibar dengan ajaran-ajaran yang memberi kesan pada pemeluk-pemeluknya pada masa itu. Apabila Melaka memeluk Islam di abad kelima belas Masehi yakni pada tahun 1414 Masehi, pengajian Islam di Melaka telah dianggap mendalam dan tidak lagi di peringkat permulaan malah telah lebih maju lagi. Dalam mana pada waktu ini telah ada rombongan agama yang dihantar ke Pasai untuk membincangkan soal-soal agama dan falsafah Islam. (4)

'Di Melaka telah menjadi pusat pengajian Islam dan kedaulatannya meluas ke beberapa bahagian Tanah Melayu dan Sumatera, agama Islam turut berkembang dengan meluasnya ke kawasan Melaka'. (5)

Kedatangan Islam telah menimbulkan satu sistem pendidikan yang baru kepada masyarakat Melayu dan membawa daya utama ke arah ilmu pengetahuan dan daya berfikir bukan sahaja kepada golongan istana malahan kepada orang ramai. Masjid merupakan tempat tumpuan pada hari Jumaat atau pada waktu-waktu malam kerana mendengar pengajaran agama.

Dalam hal ini kita dapat membuat andaian bahawa dengan mula bertapaknya pengajian Islam di negeri-negeri yang memeluk Islam itu, ianya kian berkembang dan wujud hingga membawa kepada satu sistem pendidikan Islam yang formal pada hari ini.

Di dalam hal pengajian Islam yang berlaku, ahli-ahli sejarah membuatkan tempat bertolaknyanya daripada sekolah-sekolah al Quran dan Surau. Sekolah-sekolah al Quran dan surau inilah merupakan sebagai bermulanya pengajian Islam. 'Institusi pendidikan jenis yang tradisional di Malaya ialah surau-sarau atau sekolah-sekolah al Quran dan kebiasaan yang masih berlangsung hingga sekarang ialah menyerahkan anak yang telah berumur lima tahun kepada seorang guru agama untuk latihan dalam soal keagamaan dan pembacaan al Quran yang betul dan mempelajari bahasanya dengan tulisan jawi'. (6)

Peringkat awal pengajian Islam ini bermula daripada sekolah-sekolah al Quran yang telah nyata wujud. Mengikut catitan Abdullah Munshi di dalam hikayatnya bahawa sekolah-sekolah ini terdapat di negeri Melaka, Singapura dan Pulau Pinang dan mungkin di negeri-negeri lain terdapat juga sekolah-sekolah seperti ini. (7)

Sekolah-sekolah al Quran diperlukan pada masa ini untuk menjaminkan anak-anak orang Melayu pada masa itu dibesarkan dalam tradisi Islam. Tetapi perkembangan yang terkemudian dengan kemasukan pendidikan barat telah menjadikan sekolah-sekolah itu ditukarkan menjadi sekolah-sekolah Melayu permulaan.

'Berasaskan persekolahan inilah sekolah Melayu dikembangkan dan diusahakan oleh Pengawas Sekolah-sekolah di Persekutuan Tanah Melayu dalam kurun 18. Mr. A.M. Skinner. (8)

Berikutan dengan ini apa yang berlaku ialah pengajaran agama telah tidak lagi diajarkan di sebelah pagi. Di kelas-kelas petang pengajaran al Quran dan agama dimulakan. Di samping ini terdapat sekolah-sekolah Arab yang memesatkan pengajian Islam.

Perkembangan pengajian Islam di Negeri Sembilan ini tidak begitu nyata lantaran perkembangan pengajian ini tidak tercatat untuk dijadikan sumber rujukan. Namun demikian dari fakta-fakta yang didapati bahawa bentuk pengajian Islam di Negeri Sembilan dari awal abad kedua puluh pada keseluruhannya berada dalam enam kategori. (9)

- a. Pengajian secara pondok.
- b. Pengajian Kelas al Quran.
- c. Pengajian Agama di Sekolah Melayu.
- d. Sekolah Agama Rakyat.
- e. Sekolah Agama Bantuan.
- f. Kelas membaca al Quran dan Fardu 'Ain.

### a. Pengajian secara Pondok:

Pengajian secara pondok ini adalah merupakan sistem pendidikan agama yang paling tradisional sekali di dalam perkembangan pengajian Islam di sini.

Tok guru yang menjalankan pengajian agama secara pondok ini mendapat pengaruh yang kuat di kalangan orangramai. Pelajaran agama yang diberikan berkisar tentang akidah kepercayaan dan ibadat.

Dari kenyataan Tuan Haji Mustaffa bin Haji Ahmad, pondok yang terdapat di Negeri Sembilan ini di antaranya ialah:

- a. Pondok Ulu Gadong.
- b. Pondok Bongek.
- c. Pondok Jempol, Gunung Pasir.
- d. Pondok Batu Kikir, Kuala Pilah.

Jelasnya pengajian secara pondok ini adalah diusahakan oleh rakyat di situ. Kesannya yang nyata sekali ialah kebanyakan orang lelaki mendapat asas agama pada peringkat permulaannya di sini.

Tetapi pendidikan secara pondok ini tidak dapat bertahan lama seperti mana di awal perkembangannya, lantaran timbulnya pendidikan secara moden dan formal iaitu dengan wujudnya sekolah agama di Negeri Sembilan yang bermula pada tahun 1955.

### b. Pengajian Kelas al Quran:

Untuk memastikan bahawa pelajaran agama itu wujud, maka pada tahun 1922 telah diadakan satu kelas pengajian Islam yang dinamakan Kelas al Quran. Kelas-kelas ini ditadbirkan oleh suatu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tengku Besar Seri Menanti iaitu Tengku Besar Burhanuddin yang mana ia dijalankan pada sebelah petang. Ini berterusan sehingga tahun 1939.

### c. Pengajian Agama di Sekolah Melayu:

Bermula dari tahun 1939 hingga 1957 suatu perkembangan yang baru diadakan untuk pelajaran agama di Negeri Sembilan. Pelajaran agama mula diadakan bersama di sekolah Melayu pada sebelah pagi. Guru-guru yang diambil untuk memenuhi urusan ini adalah mereka yang keluar daripada pengajian secara pondok daripada pondok-pondok di Negeri Sembilan, Kedah dan Kelantan.

Dari tahun 1957 hingga 1958, pelajaran agama juga diadakan di sekolah kebangsaan pada sebelah petang. Selepas itu pelajaran agama di sekolah-sekolah rendah itu telah dipinda semula pada tahun 1959. Ekoran dari ini didapati pelajaran agama diajarkan di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (yang mempunyai pelajar Melayu) hingga sekarang. Ia ditadbirkan oleh kerajaan negeri.

Sukatan pelajaran yang digunakan bagi mengajar di sekolah rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan ini adalah menurut sukatan pelajaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelajaran agama Islam di peringkat rendah ini dimulai dari darjah satu hingga darjah enam mengandungi pelajaran akidah, budi pekerti, ibadat, sejarah rasul dan bacaan al-Quran. (10)

#### **d. Sekolah Agama Rakyat (Sendiri):**

Sekolah ini diusahakan oleh penduduk di sesebuah kampung dalam mana semua pembiayaan bagi perjalanan sekolah ini adalah diusahakan sendiri.

Sekolah-sekolah jenis ini mengadakan yuran-yuran tertentu bagi murid-muridnya sama ada berbentuk bulanan atau tahunan sebagai punca kewangannya. Lantaran ini terdapatnya keadaan ketidakstabilan sesebuah sekolah itu. Ada di antara sekolah itu yang dapat terus hidup dan ada pula yang terus merosot.

Sekolah-sekolah ini dimestikan berhubung dengan Bahagian Pelajaran Agama, Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan dalam menentukan sukatan pelajarannya. Jelasnya bagi sekolah agama rakyat ini tidak boleh sewenang-wengannya untuk mengadakan sukatan pelajarannya sendiri. Bahasa pengantar yang digunakan di dalam penyampaian pelajaran ialah bahasa Malaysia dan bahasa Arab.

#### **e. Sekolah Agama Bantuan:**

Ini terdapat di dalam dua bentuk iaitu:

##### **i. Sekolah Agama Bantuan Penuh:**

Ini dikenali dengan nama Sekolah Agama Menengah Tinggi. Sekolah ini mendapat bantuan seratus peratus dari kerajaan negeri bersama dengan Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan yang mentadbirnya secara langsung. (Kini sekolah ini telah menjadi sekolah bantuan penuh di bawah tadbiran Kementerian Pelajaran dengan namanya Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.)

Pelajar-pelajar yang diambil memasuki ke Sekolah Agama Menengah Tinggi sebelum menjadi sekolah bantuan penuh Kementerian Pelajaran ini adalah merupakan mereka yang telah berjaya dari Sekolah Agama Menengah Rendah iaitu setelah tamat pelajaran selama empat tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran. Matapelajaran yang diadakan adalah matapelajaran agama, bahasa Arab dan sastera dengan mengadakan peperiksaan bagi Shahdah Sekolah Agama Menengah Tinggi (SUMT), Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran.

Lulusan dari sekolah ini merupakan calon-calon guru agama bagi sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah-sekolah agama bantuan (sekolah agama menengah rendah).

##### **ii. Sekolah Agama Bantuan Separuh:**

Ini dikenali dengan nama Sekolah Agama Menengah Rendah. Sejak mula diasaskan terdapat sebanyak empat belas buah sekolah sahaja. Tetapi sesekarang telah berkembang kepada dua puluh dua buah sekolah.

Pelajar-pelajarnya adalah merupakan mereka yang tidak mampu untuk meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah menengah rendah kebangsaan satu atau yang gagal dari sekolah tersebut.

Pelajaran yang diadakan merupakan pelajaran agama, bahasa Arab dan sastera dalam mana pelajar-pelajarnya dikehendaki menamatkan pelajarannya selama empat tahun dan memasuki Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran.

Bantuan kewangan yang diberikan oleh Pusat adalah berdasarkan kepada bilangan murid-murid yang terdapat di sekolah-sekolah itu. Sementara pihak majlis hanya memberikan bantuan alat-alat perkakas dan guru-guru sahaja.

**f. Kelas Membaca al Quran dan Fardu 'Ain:**

Kelas ini ditadbirkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan menerusi Bahagian Pelajarannya. Ini diadakan di masjid-masjid di daerah-daerah untuk memberikan pelajaran agama kepada orang-orang dewasa. Segala aktiviti yang diadakan adalah menyentuh akidah dan kerja-kerja ibadat dan cara mengerjakannya.

Kesimpulan daripada keseluruhan perkembangan pengajian Islam yang berlaku di Negeri Sembilan ini nyata menunjukkan bagaimana perkembangan pelajaran Islam ini dapat menular di kalangan masyarakat Islam di sini dengan baiknya lantaran wujudnya pendakwaan yang lahir kemudiannya. Dengan wujudnya institusi tersebut sama ada yang mendapat bantuan kerajaan ataupun atas daya usaha rakyat adalah merupakan kesan yang baik dan mendalam pada perkembangan pelajaran agama untuk kekal berkembang.

**Bahan rujukan:**

1. Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu Rembau, **Rembau: Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya**, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, Cetakan Pertama, h.3.
2. Dasuki Haji Ahmad, **Ikhtisar Perkembangan Islam**, DBP., 1974, h.520-521.
3. K.G. Tregoning, **A History of Modern Malaya**, Eastern University Press Ltd. for University of London Press, London, E.C. 4, 1964, h.28.
4. Dasuki Haji Ahmad, h. 533.
5. M.A. Rauf, **Ikhtisar Sejarah Islam dan Hubungannya Yang Khusus dengan Malaya**. Terjemahan Rustam Sani. Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, h.99.
6. M.A. Rauf, *Ibid*, h.20.
7. Kementerian Pelajaran Malaysia, **Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Terhadap Uagama Islam Mengikuti Syor-Syor Penyata Razak 1956 dan Perawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960**, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972. h.1.
8. Francis Wong Hong Kee & Ee Tiang Hong, **Education in Malaysia**, Heinemann Educational Book (Asia) Ltd., Kuala Lumpur, Singapore, Hong Kong, 1971 h.10.
9. Hasil Temuramah dengan: Tuan Haji Mustaffa bin Haji Ahmad: Pengelola Pelajaran Uagama Negeri Sembilan, Jabatan Uagama Islam Negeri Sembilan pada 19hb. September 1975.
10. Kementerian Pelajaran Malaysia, **Sukatan Pelajaran Sekolah-Sekolah Rendah (Bantuan Kerajaan), Uagama Islam**, Dewan Bahasa Pustaka, k968. h.1.